

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, JULAI 2025

**Pertumbuhan kukuh 5.0 peratus dalam Perdagangan borong & runcit
dengan jualan RM156.4 bilion pada Julai 2025**

PUTRAJAYA, 12 SEPTEMBER 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan laporan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, JULAI 2025**. Perdagangan borong & runcit merekodkan jumlah jualan sebanyak RM156.4 bilion pada Julai, dengan pertumbuhan 5.0 peratus tahun ke tahun.

Dalam satu kenyataan rasmi, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan jualan sektor Perdagangan borong & runcit meningkat pada Julai 2025, didorong terutamanya oleh subsektor Borong dan Runcit. Subsektor Perdagangan borong mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM70.1 bilion, meningkat 5.4 peratus tahun ke tahun. Subsektor Perdagangan runcit juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, dengan jualan RM67.0 bilion, meningkat 5.6 peratus. Sementara itu, subsektor Kenderaan bermotor merekodkan jualan RM19.3 bilion, pertumbuhan sederhana sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun.

Seiring dengan pertumbuhan stabil dalam Perdagangan borong & runcit, transaksi pembayaran digital terus menunjukkan peningkatan pada Julai 2025, sekali gus menyokong aktiviti runcit. Transaksi wang elektronik (*E-money*) melonjak 69.8 peratus tahun ke tahun kepada RM22.8 bilion, manakala penggunaan *Real-time Retail Payments Platform* (RPP) meningkat kepada RM311.5 bilion, mencerminkan kecenderungan pengguna terhadap transaksi yang lebih pantas dan lancar. Transaksi FPX juga berkembang 23.4 peratus kepada RM41.4 bilion, selari dengan peningkatan penggunaan perbankan dalam talian, manakala perbelanjaan kad kredit kekal stabil pada RM18.8 bilion dan penggunaan kad debit bertumbuh 5.4 peratus kepada RM13.3 bilion. Secara keseluruhan, trend ini mencerminkan pengukuhan kaedah pembayaran digital serta memperteguh peralihan Malaysia ke arah ekonomi tanpa tunai.

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, Perdagangan borong terus berkembang pada Julai 2025, dengan Lain-lain pengkhususan jualan borong merekodkan pertumbuhan 4.0 peratus tahun ke tahun, mencapai RM25.8 bilion. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh jualan yang tinggi bagi petrol, diesel, pelincir, bahan binaan, perkakasan dan peralatan paip. Jualan borong barangan isi rumah juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, meningkat 6.7 peratus kepada RM14.7 bilion, didorong oleh permintaan tinggi bagi produk farmaseutikal dan perubatan, pakaian dan peralatan lampu. Jualan borong makanan, minuman & tembakau juga naik 6.6 peratus kepada RM14.1 bilion, disokong oleh peningkatan jualan dalam produk tenusu, daging, ayam, telur dan sayur-sayuran. Sementara itu, Jualan borong jentera, peralatan dan bekalan tumbuh 5.9 peratus kepada RM5.7 bilion, mencerminkan aktiviti perniagaan dan industri yang kukuh merentas sektor utama.

Mengulas mengenai prestasi subsektor Perdagangan runcit, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin menyatakan bahawa Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan merekodkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus tahun ke tahun, mencapai RM25.8 bilion. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh peningkatan jualan di kedai runcit, pasar mini dan gedung sebaneka & pasaraya. Jualan runcit di kedai pengkhususan turut merekodkan prestasi yang kukuh, naik 7.6 peratus kepada RM14.0 bilion, didorong oleh peningkatan permintaan bagi pakaian, pewangi, kosmetik, barang kemas dan kasut. Pada masa yang sama, Jualan runcit bahan api kenderaan berkembang 6.6 peratus tahun ke tahun kepada RM6.3 bilion, mencerminkan pergerakan pengguna dan aktiviti perjalanan yang berterusan. Selain itu, Jualan runcit peralatan isi rumah meningkat 3.6 peratus, manakala Jualan runcit makanan, minuman & tembakau bertumbuh 6.1 peratus, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan keseluruhan subsektor Perdagangan runcit pada Julai 2025.

Dalam tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun bagi beberapa kumpulan. Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor meningkat 6.2 peratus kepada RM2.9 bilion, diikuti oleh Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor (2.9%) dengan jumlah RM5.2 bilion. Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal turut mencatatkan peningkatan sebanyak 7.5 peratus dengan nilai RM1.3 bilion. Walau bagaimanapun, Jualan kenderaan bermotor menunjukkan penurunan berbanding setahun yang lalu. Namun demikian, bagi perbandingan bulanan, kumpulan ini kekal sebagai penyumbang tertinggi, merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 23.8 peratus kepada RM9.9 bilion, meningkat daripada RM8.0 bilion yang dicatatkan pada Jun 2025. Trend peningkatan ini selari dengan jumlah pendaftaran kereta yang dilaporkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), iaitu sebanyak 75,663 unit pada Julai, berbanding 58,115 unit pada bulan sebelumnya.

Sementara itu, jualan runcit dalam talian turut mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sepanjang bulan tersebut. Indeks jualan runcit dalam talian meningkat 5.8 peratus tahun ke tahun, mencerminkan kecenderungan berterusan pengguna terhadap platform beli-belah digital. Selepas pelarasan musim, indeks tersebut meningkat sebanyak 1.2 peratus bulan ke bulan.

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit merekodkan peningkatan 4.6 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 5.9 peratus, diikuti oleh Perdagangan runcit dan Kenderaan bermotor masing-masing dengan 4.4 peratus dan 0.9 peratus. Bagi pelarasan musim, indeks volum meningkat 2.8 peratus bulan ke bulan.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit




Carta 2: Nilai Jualan Perdagangan Borong




Carta 3: Nilai Jualan Perdagangan Runcit



Carta 4: Nilai Jualan Kendaraan Bermotor



Carta 5: Indeks Jualan Runcit Dalam Talian



**Jadual 1: Platform Pembayaran di Malaysia
(Januari 2024 – Julai 2025)**

Tahun	Bulan	Instrumen Pembayaran			Sistem Pembayaran				
		Kad Kredit	Kad Debit	E-money	(RM bilion)				
					Interbank GIRO	FPX	Direct Debit	JomPAY	RPP
2024	Jan.	18.8	12.4	11.6	139.1	31.0	6.2	5.0	229.6
	Feb.	17.3	12.5	11.5	120.9	27.6	5.8	4.8	207.5
	Mac	17.8	13.4	11.8	128.5	32.1	6.3	4.7	229.2
	Apr.	16.8	12.7	11.7	129.4	28.3	6.7	4.7	229.4
	Mei	17.7	13.0	12.6	135.4	32.3	6.3	4.8	240.6
	Jun	17.1	12.7	12.7	118.9	28.0	5.6	4.6	230.4
	Jul.	17.7	12.6	13.4	138.5	33.5	6.8	5.2	256.1
	Ogos	17.8	12.7	14.2	133.9	34.3	6.0	5.2	254.7
	Sep.	17.9	12.6	14.7	126.8	31.7	5.9	4.7	244.2
	Okt.	18.5	13.2	15.8	132.6	31.9	6.4	4.9	262.6
	Nov.	18.2	12.6	16.2	130.3	34.5	6.2	4.7	261.0
	Dis.	20.5	14.7	17.9	143.5	35.0	6.8	4.9	294.1
2025	Jan.	20.1	14.9	19.5	142.0	38.6	6.4	5.0	290.7
	Feb.	16.8	12.7	17.3	118.1	32.9	6.0	4.9	250.3
	Mac	19.1	15.6	20.3	140.3	40.4	6.4	4.9	297.7
	Apr.	17.7	13.3	19.7	130.0	35.5	7.3	4.7	277.8
	Mei	18.7	14.1	21.5	130.0	39.2	6.9	4.9	289.4
	Jun	18.1	13.2	21.7	125.0	31.2	6.8	4.8	277.2
	Jul.	18.8	13.3	22.8	140.7	41.4	8.0	5.3	311.5
Tahun ke Tahun (%)									
2025	Jan.	6.8	19.9	68.2	2.1	24.6	3.5	-1.0	26.6
	Feb.	-2.6	1.8	50.7	-2.3	19.3	3.8	2.8	20.6
	Mac	7.0	16.2	71.2	9.2	25.9	1.4	3.5	29.9
	Apr.	5.5	4.5	68.7	0.5	25.4	9.1	0.8	21.1
	Mei	5.4	8.0	70.2	-3.9	21.1	9.0	0.6	20.3
	Jun	5.7	3.8	66.7	5.2	11.4	20.2	3.8	20.3
	Jul.	6.0	5.4	69.8	1.6	23.4	16.9	3.2	21.6

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

**Jadual 2: Agregat Kewangan M1 di Malaysia
(Januari 2024 – Julai 2025)**

Tahun	Bulan	M1 (RM bilion)	Tahun ke Tahun (%)
2024	Jan.	639.2	6.4
	Feb.	639.9	6.9
	Mac	645.3	8.0
	Apr.	638.5	7.1
	Mei	635.4	6.8
	Jun	642.1	6.4
	Jul.	636.8	7.2
	Ogos	637.5	6.0
	Sep.	644.9	6.0
	Okt.	645.2	4.5
	Nov.	655.0	4.9
	Dis.	666.5	4.4
2025	Jan.	663.3	3.8
	Feb.	661.9	3.4
	Mac	667.5	3.4
	Apr.	662.9	3.8
	Mei	663.1	4.4
	Jun	681.6	6.1
	Jul.	680.2	6.8

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 SEPTEMBER 2025**